

Terokai Potensi Portfolio Ekuiti Anda

FM70

Mini FTSE Bursa Malaysia
Indeks Niaga Hadapan
Mid 70

Didagangkan di
Bursa Malaysia



APA ITU FM70?

FM70 ialah Kontrak Niaga Hadapan Indeks Mini FTSE Bursa Malaysia Mid 70 dalam denominasi Ringgit Malaysia (RM) yang didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives. Ia mendedahkan peserta pasaran kepada komponen-komponen yang mendasari Indeks FTSE Bursa Malaysia Mid 70 (FBM Mid 70).



Ciri-ciri



INDEKS PENDASAR

Indeks FTSE Bursa Malaysia Mid 70 (FBM Mid 70)



SAIZ KONTRAK

FBM Mid 70 didarab dengan RM4.00



TURUN NAIK HARGA MINIMUM

5 mata indeks bernilai RM20.00



METODOLOGI PENYELESAIAN

Penyelesaian tunai dalam RM

Apakah Kod Simbol untuk Kontrak FM70?

- ▶ CME Globex®
BMD\FM70\kod bulan Kontrak yang relevan
Contoh: *BMD\FM70\DEC20*
- ▶ Bloomberg
Indeks FMCA <GO>
- ▶ Refinitiv
<F7M> + <Kod Bulan> + <Kod Tahun>
Contoh: *<F7MZ0>* untuk Kontrak bulan
Disember 2020
- ▶ ICE Data Services
F: FM70\MY
Contoh: *F:\FM70\Z20* untuk bulan
Disember Kontrak 2020

MENGAPA BERDAGANG DALAM FM70?



Pendedahan kepada Komponen Indeks FTSE Bursa Malaysia Mid 70 (FBM Mid 70)

Dapatkan pendedahan kepada kesemua 70 komponen FBM Mid 70 dengan satu Kontrak niaga hadapan.



Perdagangan Leverage

Dalam pasaran niaga hadapan, anda hanya perlu menandatangani peratusan yang kecil daripada nilai nosional kontrak (dikenali sebagai Margin Awal). “Leveraj” ini membolehkan anda mendapat pendedahan yang lebih besar kepada indeks pendasar pada kos yang sangat kecil daripada jumlah nilai kontrak.



Boleh Melakukan Jualan Singkat

Berdagang FM70 membolehkan anda menjual dahulu dan membeli kemudian untuk mengakhiri kedudukan perdagangan anda.



Arbitraj

Manfaatkan peluang arbitraj yang wujud daripada perbezaan harga antara FM70 dan indeks pendasar.



Akses Global

FM70 didagangkan secara elektronik melalui CME Globex®, sebuah platform perdagangan elektronik global. CME Globex® mudah diakses dan ia membolehkan pedagang individu dan professional di seluruh dunia untuk mengakses kesemua produk Bursa Malaysia Derivatives.

CONTOH DAGANGAN (PASARAN MENURUN)

SENARIO:

Diana berpendapat pengukuhan pasaran semasa akan mengalami pembetulan tidak lama lagi dan menjangkakan penurunan daripada kenaikan yang tinggi baru-baru ini. Untuk memanfaatkan jangkaan penurunan itu, dia boleh menggunakan Kontrak FM70 dengan cara berikut:

FM70 didagangkan pada 14,465



Perhatian:


1. Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
2. Kedudukan terbuka tertakluk kepada mark-to-market (nilai saksama) yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
3. Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.

CONTOH DAGANGAN (PASARAN MENAIK)

SENARIO:

Hans menjangka berlaku pengukuhan pasaran berikutan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mantap. Untuk memanfaatkan jangkaan kenaikan itu, dia boleh menggunakan Kontrak FM70 dengan cara berikut:

FM70 didagangkan pada 14,465



Perhatian:

1. Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
2. Kedudukan terbuka tertakluk kepada mark-to-market (nilai saksama) yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
3. Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.

SENARIO:

PERLINDUNGAN NILAI

Objektif perlindungan nilai adalah untuk mengurangkan risiko pergerakan harga yang tidak menguntungkan pada sesuatu aset.

Seorang pelabur dengan portfolio saham bagi komponen FBM Mid 70 ingin melindungi nilai portfolionya. Dia boleh melindungi nilai portfolionya dengan menjual Kontrak FM70. Sebarang penurunan nilai saham akan diimbangi oleh keuntungan daripada Kontrak FM70.

MENGARBITRAJ

Apabila Kontrak niaga hadapan didagangkan melebihi atau kurang daripada “nilai wajar” teorinya, strategi arbitraj boleh dilakukan dengan membeli atau menjual Kontrak niaga hadapan dan pada masa yang sama menjual atau membeli saham pendasar.

Seorang pengurus dana melihat FM70 sedang didagangkan pada premium yang tinggi ke pasaran tunai. Dia memanfaatkan peluang arbitraj ini dengan menjual FM70 dan membeli komponen yang mendasari FBM Mid 70 secara serentak. Kedudukan akan diakhiri dengan keuntungan apabila tebaran (spread) antara FM70 dan FBM Mid 70 mengecil.

1. Apakah perubahan pada spesifikasi Kontrak FM70?

Pembaharuan Kontrak FM70 merangkumi pembaikan pada dua bidang yang berikut:

- (a) Saiz Kontrak: Peningkatan penganda Kontrak daripada RM2.00 kepada RM4.00 bagi setiap 1 mata indeks
- (b) Saiz Tick: Peningkatan saiz tick daripada 1 mata indeks kepada 5 mata indeks bagi setiap tick

Perubahan pada spesifikasi Kontrak FM70 diringkaskan dalam jadual di bawah.

Spesifikasi Kontrak	FM70	
	Terdahulu	Disemak semula (Baru)
Saiz Kontrak	Indeks FBM Mid 70 didarab dengan RM2.00	Indeks FBM Mid 70 didarab dengan RM4.00
Turun Naik Harga Minimum (Tick)	1 mata indeks bernilai RM2.00	5 mata indeks bernilai RM20.00
Had Pegangan Spekulatif	Bilangan maksimum pegangan belian bersih atau jualan bersih yang akan dipegang:	
	20,000 Kontrak untuk semua bulan digabungkan	15,000 Kontrak untuk semua bulan digabungkan
Nilai Penyelesaian Akhir	Nilai Penyelesaian Akhir ialah nilai purata, dibundarkan ke mata indeks terdekat (nilai 0.5 dan yang lebih tinggi daripada itu dibundarkan ke atas), diambil setiap 15 saat atau pada selang waktu yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa mulai 15:45:30 hingga 16:45:15 ditambah nilai 1 selepas 17:00 FBM Mid 70 pada Hari Dagangan Akhir kecuali 3 nilai tertinggi dan 3 terendah	Nilai Penyelesaian Akhir ialah nilai purata, dibundarkan ke gandaan 5 mata indeks terdekat (nilai 2.5 dan 7.5, dan yang lebih tinggi daripada itu dibundarkan ke atas), diambil setiap 15 saat atau pada selang waktu yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa mulai 15:45:30 hingga 16:45:15 ditambah nilai 1 selepas 17:00 FBM Mid 70 pada Hari Dagangan Akhir kecuali 3 nilai tertinggi dan 3 terendah

SOALAN LAZIM

2. Berapakah yuran yang dikenakan oleh Bursa untuk berdagang Kontrak FM70?

Setiap Kontrak sehalu	
Yuran Pertukaran (RM)	Yuran Penjelasan (RM)
1.00	1.00

Komisen broker boleh dirunding antara Broker Niaga Hadapan dengan pelanggan.

3. Di mana boleh saya lihat harga Kontrak FM70?

CME Globex, Bloomberg dan Refinitiv. Sebagai alternatif, anda disarankan menghubungi Broker Niaga Hadapan anda tentang cara mengakses harga Niaga Hadapan.

Buka Akaun Dagangan Niaga Hadapan dengan salah satu Broker Niaga Hadapan berlesen Bursa Malaysia Derivatives untuk mula berdagang.

Sila rujuk senarai Peserta Dagangan kami di www.bursamalaysia.com

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini terkini:
Layari laman web Bursa Malaysia



Penafian:

Risalah ini disediakan untuk tujuan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung di dalamnya bukanlah nasihat kewangan atau perdagangan dan ia tidak mengesyorkan mana-mana produk yang dinyatakan di sini. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia Berhad dan syarikat kumpulannya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad (“Bursa Malaysia”) tidak menjamin atau mewakili, secara nyata atau tersirat mengenai ketepatan atau kesempurnaan maklumat di dalamnya. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menjamin atau menjamin prestasi apa-apa produk yang dirujuk dalam risalah ini.

Semua undang-undang, keperluan pengawalseliaan dan peraturan yang terpakai, termasuk Peraturan semasa Bursa Malaysia Derivatives dan Peraturan Bursa Derivatives Clearing hendaklah dirujuk selaras dengan risalah ini. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti untuk mana-mana keputusan kewangan atau perdagangan yang dibuat atas dasar maklumat ini. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas sebelum membuat keputusan kewangan, pelaburan atau perdagangan.

BURSA MALAYSIA BERHAD

197601004668 (30632-P)

Exchange Square, Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(603) 2034 7000

Faks: +(603) 2026 3584

Emel: futures@bursamalaysia.com